

PESANAN Ahli
KIBAD13 buat Ahli
KIBAD14

PESANAN TERISTIMEWA UNTUK KIBAD14

Assalamualaikum Kibad14, sedikit tip @ pesanan utk bekalan sepanjang proses menuju PKSK 2026.

1. FAHAMI tentang PKSK dan tujuan join Kibad14. Tetapkn matlamat dan tujuan anda utk ditawarkan ke Sek Khusus(SBP/MRSM DLL).
2. FAHAMI kelemahan ank anda. Mencari kelas2 terbaik utk ank2 anda. Cthnya, kelas Cikgu Amir bijakkids. Kelas cg Amir merangkumi bkn shj subjek wajib, tp teknik belajarnya, sistem belajarnya, IQ, EQ,SQ.termasuk jugak AP.
3. FAHAMI Program Kibab14, bila anda dh join kiband letakkn 100% usaha bkn shj dr segi tenaga, prsiapan minda yg kental, dan juga wang ringgit. Jgn pernah berkira utk masukkn ank ke kelas2 dll...semuanya All Out.
4. Bila anda dh follow semua xtvk kiband, anda follow rpt2, buat apa shj berjuang sebaik mungkin mcm berada di medan perang.
5. Last but not least, sepanjang proses tersebut, apapun usaha yg anda buat sentiasa berdoa disetiap akhir solat utk ank anda berjaya ditawarkan ke sek pilihan dan impian anda. Doalah sehabis baik, insyaAllah doa ibu tembus ke langit...

Berjuang tanpa kenal erti lelah,

Ikhlas dari:-

Mama Reeqon (Abg R)

Kibad13p768

Ist Intake MRSM Lenggong Perak.

Program : Premier Stem Excellent F1 2026.

Pesanan buat ahli KIBAD14

Assalamualaikum wbt..

Buat anak-anak dan parents KIBAD14, anda telah pun berada dalam circle yang terbaik untuk bersama-sama melalui journey PKSK 2026 yang sgt indah bersama anak anda! Anak anda hebat dan anda juga parents yang hebat! Tahniah!!

Saya kurang gemar menulis sebenarnya (sebab rasa diri tak pandai mengarang)..Tetapi hari ini saya menulis untuk berkongsi dengan parent KIBAD14 supaya tatkala anda berasa sangsi atau down...rasa tak boleh pergi...rasa give up..rasa nak jadi singa atau naga..saya nak anda tetap berasa anda mampu melangkah dan akan terus berada dalam KIBAD14. Mudah-mudahkan perkongsian ini walau tak banyak, dapat hilangkan sedikit tekanan anda.

1. Perkara paling penting bagi saya jangan leave group.

Eeh...sir cakap kalau tak capai syarat kena leave group. Betul..tp, kita kalau nak makan pun kena usaha..gerak, masak, buka mulut, kunyah...jadi, tak kan la nak anak pandai tu sebut je terus pandai...Mesti ada usaha, give and take..ada pengorbanan yang kita kena buat di situ. Waktu rasa banyak task sir bagi, usahalah sikit demi sedikit. Sayang sangat kalau leave circle ni. Kalau sungguh-sungguh tak mampu bincanglah dulu.

Insyallah...akan sentiasa ada byk petua dan teknik dari group ini. Tak mampu buat semua, jangan tinggal semua. Waktu rasa tak mampu berlari..berjalanlah..tak mampu berjalan, merangkak pun boleh. Rasa burn out, pause kejap sehari dua...Just don't give up. Dari group ini jugalah anda akan dapat semangat dari ahli lain yg akan bersama-sama dengan anda, sama-sama berjuang. Tambahan tahun ni ada buddy kan...hee..

2. Banyakkan membaca.

Baca message group WhatsApp dan telegram. Baca format pentaksiran PKSK. Baca pilihan-pilihan sek, program...baca je semua info dan sharing berkaitan persediaan untuk PKSK ini. Banyak membaca boleh bantu kita nampak hala tuju perjuangan, tentang kelebihan dan kekurangan yang kita ada, samaada kita sudah faham sepenuhnya atau tidak, seterusnya akan membantu kita dalam mencapai objektif, misi dan visi kita.

3. Tetapkan halatuju yang jelas.

Tanya anak. Apa cita-citanya, dan dari situ kita tetapkan apa laluan terbaik untuknya. Sebaiknya ikutlah minat dan kemampuan anak.

4. Follow Sir Amir serapat mungkin.

KIBAD13 adalah pengalaman saya yang pertama. Memang join dengan "empty cup". Jadi bila sir cakap kena langgan iLA, saya langgan. Kena beli kelas setiap minggu, saya beli. Kena buat itu ini..macam macam..Saya tak pernah question syarat yang sir tetapkan sbb bagi saya yang pakarnya bukan saya, tapi sir. By time, satu persatu saya mula nmpk kenapa..jawabannya datang dalam bentuk prestasi dan plg utama sikap dan pandangan anak tentang pelajaran. Biar blur awal-awal, tapi learn something sepanjang proses dan insyaAllah..rezeki utk kita mesti ada..lagi pun Allah dah janji pahala atas usaha kita.

5 Teknik dan sistem.

Saya ikut teknik dan sistem yang diajar oleh sir sepenuhnya....proven dah.. iLA jangan tak langgan. Bagi saya benda yang paling nyesal kalau tak ada. Teknik dan sistem yang lain akan muncul selepas iLA. Saya tak ada ambil tuisyen akedemik. Jadi sayalah tutor kepada anak (poket tak "dalam". Jadi saya pun beli buku, Google, search di youtube, study subjek semula, selalu smp lewat malam). Kelas sir saya enroll sepenuhnya. Biar anak dengar suara dan nasihat sir setiap hari. Sebab pada mulanya susah betul nak bagi anak tu dengar nasihat saya. Jadi bagi dia dengar nasihat sir dulu barulah dia mengiakan nasihat saya...

6 Hargai perjuangan ini bersama anak.

Ini adalah perjalanan anak bersama anda. Jika anda bandingkan anak dengan anak KIBAD yang lain pastikan itu adalah perbandingan yang sihat. Mesti ingat bukan semua orang bermula di titik yang sama. Ada yang dah melalui KIBAD terlebih dahulu, malah ada yang sudah berkali-kali. Namun, sharing mereka jugalah yang banyak buat saya bangkit pada waktu saya down. Raikan selalu apa yang anak berjaya capai (walaupun sekadar buat nota) meskipun dengan kata-kata tahniah.

7 Semua kita ada ujian hidup masing masing.

Jika kita rasa masalah kita berat, percaya lah yang semua orang ada masalah tersendiri.. Allah tak pernah uji kita lebih dari keupayaan kita. Teruslah bersyukur dan fokus on the solution. Jangan disebabkan ujian-ujian yang kita lalui kita stop journey PKSK kita. InyaAllah, Allah akan sentiasa bantu dan berikan yang terbaik pada kita.

8 Banyakkan berdoa dan jaga adab

Berdoalah..bukan hanya buat diri dan anak kita. Bahkan untuk anak-anak rakan kita..anak-anak KIBAD yang lain. Pesan juga kepada anak supaya jangan tinggal solat, selalu berdoa utk diri, keluarga, rakan, guru-guru. InsyaAllah doa yang baik turut berbalik kepada kita. Samada anak atau parent mesti jaga adab dengan guru . Pesanlah kepada anak bila dalam kelas juga tingkah laku. Kalau cikgu dah pesan untuk kegunaan sendiri sahaja, jangan share pada yang tak berkenaan. Ilmu yang berkat itu sangat penting.

Saya doakan semoga semua ahli KIBAD14 diberikan kekuatan, semangat, dimudahkan segala urusan dan dimakbulkan segala hajat. InsyaAllah..semoga semua anak anak KIBAD14 berjaya dengan cemerlangnya dan berjaya di tempatkan di sekolah pilihan masing masing..aamiin.

Ibu kepada,

Thaqif Hadif Bin Rizal

KIBAD13p41

1st intake Maktab Mahmud Yan (pilihan 1)

1st intake MRSM IGCSE Kuala Kubu Baru (pilihan 1)

1st intake KSN SMK Ibrahim (pilihan 1)

#masukKIBAD13anaklulusUKM1

#masukKIBAD13anaklulusUKM2

#anaktengahdalampenilaianUKM3

#anakbukantokohpelajar

Assalamualaikum.

Sedikit pesanan dan coretan buat anak2 KIBAD14, bakal first intake first choice 2027 insyaAllah.

1. Pastikan parent tahu dan faham apa itu PKSK. Strategi kemasukan ke sekolah khusus. Kena ambil tahu apa komponen yang ada dalam PKSK. Bila anda tahu, insyaAllah anda boleh mula merancang next step.
2. Discuss dengan anak. Tanya apa minat anak. Jika anak ada sekolah impian, bincang. Pastikan ibu ayah dan anak faham, ada matlamat yg sama untuk capai impian anak.
3. Cari circle yang positif, yang sama2 mengejar, yang saling menyokong dan menarik kita saat kita down. Anda buat 1 keputusan yang insyaAllah tepat untuk berada dalam KIBAD. Berada dalam KIBAD bukan hanya anak2 je berada dalam circle yang awesome, kita parents juga sama.
4. Mula awal. Sedari cuti hujung tahun 5, dah mula belajar topik tahun 6, ataupun boleh mantapkan subjek tahun 4 dan 5.
5. Jika mampu, langganlah iLA. Jika belum mampu, menabunglah. Buat iLA hari2. Saya wajibkan anak saya buat latihan math setiap hari dan tambahan subjek core lain. Fokus 5 subjek core, BM BI MT SC SEJ. Contoh, Isnin study BM Math, Selasa BI Math dan seterusnya. Jangan lupa artikulasi penulisan, IQ EQ SSQ dan juga pengetahuan am (Kalau join kelas Sir Amir, dah lebih dari cukup untuk cover tambahan ni).
6. Buat jadual belajar. Anda je yang tau aktiviti anak anda. Jadi susunlah baik2 supaya anak dan anda tak rasa terbeban. Saya kongsiikan sedikit tentang jadual anak sy, Aiman Naufal. Anak saya aktif takraw di sekolah. Training takraw setiap hari pukul 5-7.15 petang. Sampai rumah dah 7.30. Tusyen start 8.30. Habis sekolah sesi pagi, anak akan duduk di meja saya. Saya bagi list subjek dan topik yang anak kena buat latihan untuk hari tu. Semuanya guna iLA saja. Time saya free takda kelas, saya akan bantu anak study. Pukul 5, anak turun training takraw. Begitulah rutin setiap hari. Penat? Sangat. Tapi, anak enjoy sbb setiap haritu dia dah tahu apa dia kena buat. Both dia dpt. Enjoy sukan dan juga dapat ilmu.
7. Konsisten. Jangan buat separuh jalan. Bila rasa penat, rehat, jangan berhenti. Time Aiman rasa too much, penat dengan training, dengan sekolah pagi, homework, saya rehatkan kejap dari online class. Dah rehat, tengok semula rakaman n revise.

8. Support anak. Be with them. If possible, time anak study, duduk sebelah anak. Biar anak rasa dia tak sendiri. Kita ada bersama dengan anak. Sama2 berjuang. Saya nampak Aiman semangat n happy bila saya sama2 study dengan dia. Siang anak kita sekolah, kita kerja (even suri rumah pun kerja tak pernah habis). Malam dia kelas, kita pun join kelas. Jadi, sama2 faham struggle, sama2 faham level penat tu. Pernah at 1 point, kami nangis sama2. Penat. Aiman rasa nak give up. Saya ingatkan semula, sekolah impian dia. Sebab dalam kes kami, bukan saya atau hubby yang paksa dia ke SBP tapi Aiman sendiri yang nak. Dia firm nak ke MCKK. Naikkan semula semangat dia. Again, bila penat, rehat sekejap. Jangan berhenti.

9. Percaya anak kita boleh. Biar apa pun orang kata, kita kena percaya n yakin anak kita boleh asalkan usaha. Aiman bukan murid yang cemerlang. Biasa2 saja. Bukan dalam list guru2, untuk dapat ke sekolah khusus. Kalau tengok result UASA dia masa tahun 5, pening ibu. Math pun 24% saja. Belum lagi subjek lain. Ada hati nak masuk MCKK 🙏 tapi, saya percaya, kalau diri berkeinginan, usaha betul2, insyaAllah boleh. Aiman selalu kena cop ngan cikgu2, sebab dia aktif takraw, selalu miss class sebab tournament sana sini. Belajar pun so so saja. Saya cakap kat anak saya, buktikan diri Aiman. Buktikan Aiman boleh balance both takraw and akademik. Success is the best revenge after all. Bila kita percaya pada anak kita, dia akan jauh lebih percaya n yakin diri. Sebab dia ada the best support ever. So, be your son/daughter's biggest supporter.

10. Akhir sekali, doa. Itu senjata paling ampuh. Usaha sebaik sebanyak mungkin dengan anak, then doa. Minta Allah bantu permudahkan segalanya. InsyaAllah. Moga semua anak KIBAD 14 dapat tempat di sekolah impian masing2. Aamin.

Goodluck KIBAD 14 🍀

Ibu Aiman Naufal

KIBAD13p90

1st intake 1st choice MCKK

Assalamualaikum.

Sedikit pesanan serta coretan buat ibubapa dan anak2 KIBAD14, bakal first intake first choice 2027 in sha Allah.

1. Ibubapa KIBAD14 wajib faham apa itu PKSK dan setiap komponen yang diuji dalam PKSK. Sekiranya masih keliru, jangan segan bertanya dalam Group, in sha Allah akan ada yang membantu. Yang penting sekiranya tidak tahu jangan malu atau segan bertanya.

2. Ibubapa KIBAD14 wajib cakna tarikh2 penting perkara kemasukan ke sekolah khusus. Tarikh permohonan dibuka/ditutup dan etc, hal berkaitan PAJSK (kena selalu berhubung dgn guru). Then boleh rangka strategi bersama pasangan dan anak.

2. Berbincang dengan pasangan, parents kena komited. Seterusnya tanya dan bincang dengan anak. Apa kecenderungan anak, apa minat anak. Jika anak telah mempunyai sekolah impian, bincang lebih lanjut mengenai pro dan con sekolah tersebut. Jika belum ibubapa boleh listkan MRSM/SBP yang dalam senarai ibubapa. Pastikan ibubapa dan anak faham, ada matlamat yg sama untuk capai impian anak.

3. Berhubung dengan guru kelas anak, beritahu hasrat anak ke sekolah impian mereka, tanya guru kelas kelebihan dan kekurangan anak di sekolah. Kadangkala sikap anak berbeza semasa di sekolah dan di rumah. So Cikgu pun akan lebih cakna dan beri sokongan kepada anak juga.

4. Cari circle dan persekitaran yang positif, yang membantu serta menyokong dan dapat menarik kita semasa kita down atau ingin berputus asa. Bagi kami sekeluarga menyertai KIBAD adalah satu keputusan yang amat tepat. Berada dalam KIBAD akan menyebabkan anak2 dan ibubapa sentiasa berfikiran positif, rasa dihargai, rasa awesome dan vibe nie memang sukar diperolehi di luar.

5. Bermula awal, dari awal tahun mula ulangkaji subjek2 tahun 4 dan 5. Mantapkan fundamental anak. Melalui pemerhatian saya terhadap Arif, fundamental mesti strong then apa2 soalan yang dikemukakan in sha Allah anak dapat jawab. Cuma Arif lagi bersemangat sekiranya saya turut bersama berada di sebelah semasa dia belajar. So ibubapa seboleh2nya cari ruang dan masa teman anak belajar. Fokus 100% kepada anak, tolak tepi telefon. Yang nie memang saya amat berterima kasih dengan suami kerana menjaga lagi 4 org anak yang kecil semasa saya temankan Arif belajar.

6. Langgan iLA. Jika belum mampu, menabunglah. Buat iLA setiap hari. Fokus 5 subjek utama, BM BI MT SC SEJ. Kelas dan tugas Sir Amir, dah lebih dari cukup. Pastikan siapkan mengikut dateline yang diberikan.

7. Bincang dan sediakan jadual buat anak. Arif saya tangguhkan aktiviti renang dari bulan Mei ke atas, sehingga April Arif memang giat menyertai kejohanan renang dan aktiviti luar sekolah sehingga peringkat Negeri/Kebangsaan. Ini untuk membantu dalam PAJSK. Bulan Mei sehingga Oct, Arif akan fokus kepada pembelajaran tapi ada je hari Mama bagi off day semasa weekday or weekend untuk recharged.

8. Konsisten. Alhamdulillah Arif berjaya ke KID Level 5, walaupun perjalanan penuh dengan airmata Mama Abah dan Arif. Masa berjaya masuk ke KID Level 5, happy sungguh macam dah dapat offer sekolah impian gayanya.

9. Support anak. Be there with them. Adik2 Arif pun happy belajar bersama Arif. Mereka pun sacrifice tengok TV semasa Arif belajar.

10. Percaya anak kita boleh. Sebab kepercayaan kita umpama doa kepada anak. Biar apa pun orang kata, kita wajib percaya serta yakin anak kita mampu berjaya dengan usaha yang bersungguh. Arif semasa Ujian awal dan Ujian KID 1, kebanyakan adalah lautan merah, alhamdulillah Ujian KID 2 kebanyakannya dah bertukar ke lautan biru.

11. Akhir sekali, DOA...DOA...DOA...USAHA...TAWAKAL... dan DOA. Itu senjata paling ampuh. Usaha sebaik mungkin dengan anak, then doa. Minta Allah bantu permudahkan segala urusan anak dan kita sekeluarga. Minta kepada Allah apa yang terbaik buat anak. Allah is the best Planner.

Kami doakan agar kesemua anak2 KIBAD 14 dapat tawaran ke sekolah impian, in sha Allah. Aaminn.

Goodluck KIBAD 14 🍀 You can do it!!!

Mama Mohammad Arif Ikhwan bin Mohammad Isqandar

KIBAD13p301

1st intake 1st choice MRSM IGCSE LANGKAWI

Assalamualaikum.

Alhamdulillah, saya sangat bersyukur dikelilingi oleh group KIBAD13 yang awesome ini. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada Sir Amir, cikgu yang banyak membantu anak kedua kami, Hadif Nufail, dalam persediaan PKSK KIBAD13.

Sejujurnya, kami masih berasa ralat kerana semasa anak sulung dahulu, kami tidak bersungguh-sungguh mencari ilmu berkaitan PKSK, SBP dan MRSM. Selepas menyertai KIBAD13 ini, yang tiada semangat dan tiada ilmu pun boleh jadi sangat bermotivasi serta dapat belajar banyak ilmu baharu apabila berada dalam circle yang betul.

Sedikit pesanan untuk parent KIBAD14 nanti, gunakan Teknik Belajar yang Sir Amir ajarkan. Anak jadi lebih tersusun, tahu apa yang perlu dibuat dan tidak lagi belajar dalam keadaan kelam-kabut. Selain itu, jangan lupa melanggan iLA. Anak saya sangat sukakan iLA berbanding membuat latihan di dalam buku. Platform ini bukan sekadar bahan latihan, tetapi menjadi panduan lengkap untuk anak ulang kaji sendiri. Anak boleh belajar ikut pace sendiri, ulang topik yang lemah dan lebih yakin apabila membuat latihan.

Akhir sekali, usaha, doa dan tawakal itulah yang paling utama. Selebihnya kita serahkan kepada Allah. Saya doakan anak-anak kita semua berjaya di dunia dan akhirat dan semoga anak saya diberi rezeki untuk belajar dan seterusnya bergraduasi di sini hingga selesai SPM 2030.

Hadif Nufail

KIBAD13p692

1st Choice

Sekolah Sultan Alam Shah (MARSHALS 2630)

Assalamualaikum ibubapa dan anak-anak KIBAD 14 yang dikasihi.

Semoga secebis perkongsian dari saya ini dapat membakar semangat tuan-puan untuk memastikan kejayaan anak2x tuan-puan bukan sahaja kemasukan ke sekolah impian semata,malah lebih jauh lagi.

First sekali, untuk pengetahuan semua, anak saya Sofea masih menunggu rayuan 2nd intake sbp jika Allah SWT memberi peluang kepada beliau. Dia tidak berpeluang untuk mendapat 1st intake bersama kawan-kawannya.

Itu bukan pematah semangat kami anak beranak untuk menyalahkan takdir. Kami lebih memandang jauh lagi sebab program yang disusun oleh Sir Amir sangat berguna untuk beliau mengahapi ujian yang lebih besar iaitu SPM.

Program Sir Amir jalankan sangat teliti.Sofea sudah selesai masuk sehingga Stage 5, satu perkara yang dilaksanakan olehnya yang sangat saya banggakan.

Saya selalu pesan pada Sofea, "adik, jika tak dapat sbp, adik jangan pernah putus asa, setiap susuan program Sir Amir ni, adik follow pula untuk guna semasa sekolah menengah. Walau dimana jua adik belajar, cuba ingat balik method Sir Amir yang adik dah belajar dan apply dari awal sekolah menengah ni. InShaAllah form 4 kita pulun lagi untuk ke SBP." Tu lah pesanan saya pada Sofea.

Sofea bukanlah pelajar yang lemah dan di sekolah dia mendapat keputusan yang cemerlang dimana dia memperolehi semua TP6 dan pnjsk full mark. Tapi jika kita tak perform masa menjawab PKSK, semua yang kita banggakan di atas sia-sia sahaja.

Nasihat saya kepada tuanpuan. "JANGAN SKIP" segala kelas yang dibuat oleh Sir Amir, segala arahannya follow satu persatu tanpa culas..

Sediakan anak-anak tuanpuan dari segi mental dan fizikal sewaktu sesi kelas SIR agar anak2x sentiasa bersedia menjawab soalan SIR.

Kalau boleh jawab semua soalan-soalan dalam ilearnace. Itu lagi cemerlang. Apps tu dah cukup lengkap semua subjek KPM. Meng kita kena rajin bagi tahu anak untuk pastikan mereka jawab soalan2x di dalam apps tersebut.

Last sekali, saya doakan anak2x KIBAD14 kuat semangat untuk menempuh exam PKSK yang sentiasa berubah dan makin mencabar. JANGAN pernah putus asa dan yakin dengan segala ketetapan yang

Allah telah berikan. JANGAN pernah putus harapan pada Allah dan jangan pernah look down potensi anak-anak. Berjuang sebelum menyerah. 💪💪

Eryna Sofea bt Mohd Azril

KIBAD13p42

Pelajar rayuan 2nd intake

Assalamualaikum, pesanan buat anak-anak KIBAD14 dan team ibu ayah KIBAD14.

1. Kenali anak kita dengan mendalam. Fahamkah anak-anak kita apa itu bersekolah di sekolah berasrama? Sanggupkah anak-anak untuk bersekolah di SBP/MRSM/seangkatan? Dari sini kita terangkan dahulu realiti bersekolah di sekolah berasrama. Kalau betul anak faham dan mahu, kita mulakan pula langkah seterusnya.

2. Kenalkan dengan anak bagaimana itu PKSK. Kalau ibu ayah pun belum berapa tahu - masa inilah untuk sama-sama mendalami komponen-komponen PKSK dan apakah pemberat lain seperti PBD, UASA, PAJSK dan lain-lain. Mulakan awal, kami mula seawal akhir darjah 5. (Anak KIBAD12 kami lambat mula, lambat sedar dan baru terpinga-pinga apa itu PKSK)

3. Mula rangkakan rancangan untuk memenuhi komponen-komponen tersebut. Mulakan dari awal. Contoh - rancang bagaimana strategi nak mengumpul markah ko-kurikulum, bagaimana nak perbaiki markah PBD untuk dapatkan TP6.

4. Untuk PKSK - ada beberapa komponen yang perlu diasah. Ini yang paling utama dan memberikan merit yang tinggi. Sebolehnya langganlah ilearn; gunakannya sebagai sumber latihan tubi dan juga platform yang juga dapat menunjukkan di mana (topik, subjek) anak kita ada kelemahan dan perlu tumpuan lebih. Dari sini boleh fokus untuk ajar anak kita topik mana yang lemah, atau sekiranya perlukan tusyen boleh diusahakan. Anak juga boleh buat peta minda topik tersebut dan buat latihan tubi dalam ilearn secara berulang kali. Kalau mampu, jangan skip langgan ilearn - terlalu banyak kelebihannya. Betul boleh gunakan buku latihan - tapi latihan di ilearn memberikan 'push' untuk tugas tersebut diselesaikan (ada deadline) dan juga bagusny ada feedback jawapan bagi soalan yang salah jawapan.

5. Kenal pasti anak di tahap mana untuk penulisan karangan. Kena faham mengapa ia dipanggil 'Artikulasi Penulisan'. Memang kena mulakan dari awal, tiada 'magic trick' mahupun 'quick fix'. Sangat digalakkan join kelas penulisan Cikgu Amir - anak-anak diajar bagaimana buat pendahuluan yang mantap, bagaimana mencari isi dan bagaimana mengupas pula isi (inilah dia artikulasi) dan bagaimana pula hendak membuat penutup yang 'powerful' inshaa Allah. Seterusnya ialah praktis dan praktis.

6. Untuk komponen-komponen yang lain - saya sangat sarankan agar ibu bapa ajak anak-anak menghadiri kelas-kelas Cikgu Amir untuk IQ, Pengetahuan Am dan EQ, SQ dan SSQ. Kelas-kelas tersebut tidak berbentuk 'spoon feed' malahan mengajar anak-anak untuk berfikir bagaimana untuk approach soalan-soalan yang diberikan dan lebih penting lagi - bagaimana untuk membuat persediaan menghadapi PKSK.

7. Anda sibuk? Anak pun sibuk dengan macam-macam aktiviti koko? Kami pun. Jadi sebolehnya jangan lepaskan peluang mengikuti Sistem Belajar seperti Jadual Pemantauan Aktiviti Mingguan (JPAM), Tabung Enjoy Belajar (TEB), Magic Box, dan Magic Wall. Dalam kesibukan, ini semua membantu kami menyusun jadual belajar dengan lebih baik dan berkesan. JPAM terutamanya mengajar anak autonomi dan tanggungjawab dalam merancang pembelajarannya sendiri.

8. Carilah 'support system' seperti KIBAD untuk kekal bermotivasi dan kekal memegang momentum yang tinggi. Cari kawan sebagai buddy dalam KIBAD sangat2 digalakkan agar saling mengingatkan.

9. Berbincang sekeluarga apa-apa pilihan sekolah anak; ukur dengan kebolehan anak masing-masing dan logistik keluarga. Akhir sekali, jangan putus asa. Kita berusaha, kita berdoa dan kita bertawakkal. Allah yang lebih tahu apa yang terbaik untuk anak-anak kita.

Nuha KIBAD13p52

Sekolah Seri Puteri

1st choice, 1st intake 2026

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Pesanan ini saya tujukan buat anak² KIBAD14 serta barisan ibu-ayah KIBAD14.

Saya rs sepertinya tak layak berkongsi, tapi mudah²an perkongsian dari saya agar ini menjadi pembakar semangat tuan-puan untuk memastikan kejayaan anak² tuan-puan bukan sahaja kemasukan ke sekolah impian semata, malah lebih jauh lagi.

1. Sedari awal, Nur Fajr Sabiha memang sangat berkeinginan untuk memasuki sekolah berasrama. Dan, sebagai seorang ibu, saya cuba bantu & sama² buat persediaan untuk menghadapi ujian PKSK. Saya mula mengenali kumpulan KIBAD semasa dalam fasa mencari info tentang PKSK Dan Alhamdulillah rezeki Allah lorongkan ke FB CIKGU AMIR. Di situ, secara tak sengaja saya tertarik dengan pendekatan pembelajaran yang dibawa.
 2. Nur Fajr Sabiha mula menyertai ILA pada awal Jan 2025, namun pada peringkat awal komitmennya terhadap tugas di ILA agak baik. Namun selepas sibuk dgn latihan Brassband, segala latihan ILA mula berkurangan & tidak lagi konsisten. Tp, sy cuba beli kelas rakaman yang diperlukan selepas itu. Dan dari situ Nur Fajr Sabiha boleh ulang² dengar dan praktikan.
 3. Selepas selesai UPSA, kami cuba perlahan² fokus kepada tugas yang disediakan oleh Cikgu Amir walau masih perlu fokus dgn latihan Brassband utk ke pertandingan kebangsaan & antarabangsa. Saya terpaksa duduk bersama bagi memastikan tugas UMI disiapkan. Alhamdulillah, walaupun banyak tugas yang berjaya diselesaikan agak perlahan, dek kerana letih dan banyak kerenah.. Nur Fajr Sabiha berjaya ke Level 3.
 4. Sejujurnya, sistem pembelajaran seperti Jadual Pemantauan Aktiviti Mingguan (JPAM), Tabung Enjoy Belajar (TEB), Magic Box dan Magic Wall dari Cikgu Amir sangat membantu dalam proses membina jadual pembelajaran dengan lebih teratur dan berkesan. JPAM khususnya sedikit sebanyak membantu Nur Fajr Sabiha tentang tanggungjawab dalam menyelesaikan tugas yang diberikan.
 5. Dan, di sini sy ingin nyatakan secara tulus dari hati sy kepada tuan-puan, kalau boleh "JANGAN SKIP" segala kelas yang dibuat oleh Cikgu Amir. Sila follow rapat Dan ikut segala arahan satu persatu tanpa culas.
- Sediakan anak² tuan-puan dari segi mental dan fizikal sewaktu sesi kelas Cikgu Amir, agar anak² sentiasa bersedia menjawab semua soalan dgn baik.

6. Seterusnya, sila cuba nasihatkan anak utk jawab semua soalan² dalam ilearnace. Itu lagi cemerlang. Sungguh, apps tu dah cukup lengkap semua subjek KPM. Memang kita kena rajin maklumkan anak untuk pastikan mereka jawab soalan² di dalam apps tersebut.

Akhir sekali, saya doakan anak² KIBAD14 kuat bersemangat untuk menempuhi ujian PKSK yang sentiasa berubah² dan semakin mencabar.

JANGAN pernah putus asa. Sentiasalah yakin dengan segala ketetapan yang Allah telah berikan.

JANGAN pernah rasa rendah diri jika anak tak selalu menonjol atau di atas.

JANGAN pernah kecewa jika anak bukan TOKOH, IKON atau siapa² di sekolah.

JANGAN sesekali pandang rendah potensi anak².

BERJUANGLAH sebelum menyerah!

Ikhlas,

NUR FAJR SABIHA BINTI MOHD FAKHRULSANI

KIBAD13p197

1st choice, 1st intake:

MRSMTAAB, (ULUL ALBAB) KEPALA BATAS-Batch 26/30

#daribudakband-kebudakhafazan

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Pesanan ini saya tujukan buat anak-anak KIBAD14 serta barisan ibu ayah yang sedang berjuang.

Saya rasa sepertinya tak layak berkongsi, namun mudah-mudahan coretan ini menjadi pembakar semangat tuan-puan untuk memastikan kejayaan anak-anak, bukan sekadar untuk kemasukan ke sekolah impian, malah untuk persediaan masa depan mereka.

1. Titik Mula: Belajar dari Pengalaman Amyna (KIBAD 11)

Kisah saya bermula lewat sewaktu zaman kakak Aliyan, iaitu Amyna. Saya hanya mengenali Cikgu Amir sekitar 6 bulan sebelum PKSK. Waktu itu, keputusan UPSA Amyna tiada peningkatan walaupun dah join² macam program termasuk flyhigh. Bukannya program tu tak bagus tapi tak sesuai dengan amyna "Budak Kelas Belakang" yang basicnya kelaut. Saya mula gelisah, Walaupun kami bermula agak suntuk, teknik Cikgu Amir berjaya membina momentum belajar Amyna walaupun tak apply semua, Hasilnya? Kini di Tingkatan 3, Amyna konsisten dengan pencapaian 7A dari 11 Subjek dalam UASA Tingkatan 2.

2. Aliyan: Kecekalan Si "Slow Burner" Murid tercorot dalam kelas 😊

Pendekatan untuk Aliyan jauh berbeza. Aliyan mengambil masa untuk menyerap apa yang dibaca. Jika anak lain cukup dengan 3 atau 4 ulangan, Aliyan memerlukan 10 hingga 15 kali pengulangan.

Bayangkan rutinnya setiap hari selepas sampai rumah jam 6PM dan aktiviti selepas maghrib:-

- * Tilawah (10x 1M/S)
- * Hafazan 30 Minit 5 Baris
- * Tahriri 10min
- * Tugas Cikgu Amir iLA
- * MyBOC
- * Salin Semula Artikulasi Penulisan setiap malam
- * Personal tutor Matematik
- * Baca Artikel dalam e-Paper EN/BM dan cari 10 perkataan baru setiap malam

Walaupun masa sangat mencemburui, Aliyan tidak pernah mengeluh. Dia buat sahaja dengan tenang.

3. Mindset: Cabar Diri, Bukan Puaskan Hati Orang Lain

Sebelum dia melangkah masuk ke dewan ujian, saya selalu pesan pada Aliyan:

"Kita hadapi ujian ni bukan untuk puaskan hati orang lain. Kita ambil ujian ni untuk cabar diri kita sendiri. Boleh tak kita buat yang terbaik?"

Mungkin sebab itu Aliyan punya tahap relaks luar biasa. Bayangkan, sebelum masuk dewan pun dia masih boleh tidur nyenyak dalam kereta.

Keluar sahaja dewan, dia tetap tersenyum dan ketawa. Jawapannya sentiasa ringkas: "OK".

4. Saranan: Persiapan Awal adalah Kunci

Nasihat ikhlas saya, mulakanlah bimbingan Cikgu Amir seawal Darjah 4.

Teknik Cikgu Amir sangat mendalam; untuk menguasainya sepenuhnya, anak-anak perlukan masa. Aliyan sendiri sejak Oktober 2024 tidak pernah terlepas (never miss) walaupun satu sesi kelas.

Komitmen "all-out" inilah yang membawa kepada proven result.

5. Pesanan Buat Ibu Bapa KIBAD14

* JANGAN sesekali putus asa jika anak nampak perlahan.

* JANGAN bandingkan potensi anak kita dengan orang lain.

* DIDIK anak untuk cabar kemampuan diri sendiri, bukan untuk 'impress' orang luar.

Teruskan berjuang sebelum menyerah!

Yakinlah dengan setiap ketetapan Allah buat kita.

Ikhlas,

Baba Amyna & Aliyan

(KIBAD 11 & KIBAD 13)

